
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2010/2011

November 2010

YWP 215 – Pengenalan Kepada Kewartawanan

Masa: 3 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Jelaskan **LIMA (5)** daripada konsep berikut:
 - a. Pendulu berita
 - b. Penetapan agenda (*agenda setting*)
 - c. Berita ucapan
 - d. Objektiviti
 - e. Kewartawanan rakyat (*citizen journalism*)
 - f. Sumber fizikal

2. Presiden Barrack Obama percaya penduduk Islam Amerika mempunyai hak untuk membina sebuah pusat kebudayaan Islam berhampiran tapak Pusat Dagangan Dunia di New York yang dimusnahkan penganas pada 11 September 2001. Perkara ini mencetuskan kemarahan sesetengah pihak dan juga perdebatan mengenai kebebasan beragama di Amerika (Berita Harian, 23 Ogos 2010).

Huraikan nilai berita yang terdapat pada berita ini.

3. 'Piramid terbalik' merupakan struktur asas dalam penulisan berita 'hard news'. Bincang kebaikan dan keburukan piramid terbalik dalam penulisan dan pembacaan berita.

4. Internet dikatakan telah membawa pembaharuan dalam industri berita. Huraikan kelebihan sumber berita dalam talian berbanding media konvensional.

5. Media tempatan arus perdana dikawal melalui pemilikan dan perundangan. Huraikan dengan kritis isu kawalan media di Malaysia.